

# PNB wujud Yayasan Tun Ismail bantu pelajar ke IPT UK

UM 25 DEC 2001

KUALA LUMPUR 24 Dis. — Permodalan Nasional Bhd. (PNB) hari ini mewujudkan Yayasan Tun Ismail Mohamed Ali bagi membantu pelajar melanjutkan pelajaran mereka ke institusi pengajian tinggi di United Kingdom.

Pengerusinya, Tan Sri Dr. Ahmad Sarji Abdul Hamid berkata, yayasan itu juga akan menaja kursi dalam bidang ekonomi dan undang-undang di Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Watlamat Yayasan Tun Ismail Mohamed Ali adalah untuk memberi biasiswa kepada pelajar yang mendapat tempat untuk mengikuti pengajian dalam bidang undang-undang, ekonomi, kejuruteraan, perakaunan dan sains material.

"PNB juga akan meneruskan usaha Tun Ismail mewujudkan usahawan bumiputera yang mempunyai kredibiliti akademik yang kukuh dengan nilai kejujuran dan profesionalisme," katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap pada

Beliau telah dilantik menjadi Pengerusi pertama PNB antara 17 Mac 1978 hingga 17 Oktober 1996 sebelum menyambung khidmatnya di PNB sebagai penasihat sehingga beliau meninggal dunia pada 6 Julai 1998.

Sempena perasmian galeri tersebut, sebahagian besar ruangnya dipamerkan dengan koleksi peribadi dan koleksi foto Ismail yang sebahagian besarnya belum pernah disiarkan dalam media.

Menurut Ahmad Sarji, galeri ini adalah 'galeri hidup' kerana bahan-bahan pameran akan ditukar setiap dua bulan.

Kata beliau, Yayasan Tun Ismail Mohamed Ali juga akan membiayai kerja-kerja penulisan dan penerbitan biografi allahyarham dan usaha tersebut hampir sampai ke penghujungnya.

Ahmad Sarji menambah, Ismail semasa hayatnya telah membantu menjayakan unit dana amanah PNB dan ia kini merupakan unit dana amanah terbesar di negara ini dengan tujuh juta pelanggan bumiputera.

majlis perasmian Galeri Tun Ismail Mohamed Ali di Bangunan PNB di sini, hari ini.

Majlis itu disempurnakan oleh Perdana Menteri, Pak-tuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Allahyarham Ismail yang merupakan Gabenor Bank Negara (BNM) yang pertama, adalah orang yang bertanggungjawab terhadap penubuhan PNB.